

## BAB 2

### TINJAUAN KARYA DAN KAJIAN YANG BERKAITAN

#### 2.1 Pendahuluan

Apabila seseorang menulis, dia menggunakan simbol-simbol grafik iaitu huruf atau gabungan huruf yang berkaitan dengan bunyi-bunyi yang dihasilkan apabila bercakap. Oleh itu pada satu tahap menulis atau mengarang adalah merupakan satu perlakuan membentuk lambang-lambang ini. Tetapi dalam keadaan sebenarnya, menulis atau mengarang adalah lebih daripada penghasilan simbol-simbol atau lambang-lambang sahaja. Di dalam keadaan yang sebenarnya seseorang penulis akan menghasilkan ayat-ayat yang disusun di dalam satu bentuk tertentu, berkaitan serta mempunyai pertalian yang erat. Dalam hal ini penyusunan ayat-ayat di dalam karangan atau penulisan haruslah padat dan sempurna serta jelas. Pemilihan pola ayat yang baik dan berkesan merupakan salah satu faktor yang menjadikan karangan itu bermutu di samping pemilihan isi yang baik, pengolahan yang berkesan serta kemahiran-kemahiran lain yang menentukan kualiti sesebuah karangan. Apa yang berlaku di sekolah guru-guru bahasa kurang menekankan aspek pemilihan jenis dan pola ayat yang sesuai kepada pelajar-pelajar semasa mengajar karangan. Kajian-kajian yang berkaitan dengan aspek ini juga amat kurang dilakukan oleh pengkaji-pengkaji bahasa.

Oleh hal yang demikian, kajian ini sangat penting dilakukan bagi melihat kecenderungan pelajar-pelajar sekolah rendah memilih jenis dan pola ayat dalam karangan mereka. Pada masa yang sama, pengkaji juga ingin melihat kelemahan-kelemahan yang terdapat dalam jenis dan pola ayat yang dipilih oleh pelajar.

## 2.2 Kajian Luar Negeri

Banyak kajian telah dilakukan di luar negara berhubung dengan perkembangan sintaksis kanak-kanak yang belum bersekolah dan kanak-kanak selepas sekolah rendah. Kajian-kajian juga dilakukan berhubung dengan masalah penguasaan sintaksis yakni masalah penggunaan struktur-struktur ayat dan kata tugas dalam pembinaan ayat.

La Brant (1933) telah menganalisis ayat yang ditulis oleh 986 pelajar-pelajar yang berumur 8 tahun ke atas di Amerika Syarikat. Beliau menetapkan klausa sebagai unit asas penganalisan ayat kompleks kanak-kanak. Katanya klausa-klausa kecil bertambah dengan bertambah matang penulisan di samping ayat juga bertambah kompleks dan kejelasan buah fikiran juga bertambah. Langkah-langkah yang dijalankan oleh La Brant ialah mengira panjang klausa yang dinyatakan dengan perkataan, nisbah klausa subordinat dan bandingan kekerapan jenis klausa. Kepentingan kajian La Brant telah diakui oleh pengkaji-pengkaji selepasnya.

Walau bagaimanapun Hunt (1965) telah melakukan kajian terhadap murid gred 8 dan 12 dan dapatan beliau menjelaskan bahawa penggunaan predikat setara makin menurun apabila umur meningkat. Murid-murid yang lebih tua menggunakan hanya 2/3 sahaja daripada yang digunakan oleh murid-murid gred rendah.

Herrick & Jacobs (1955) dalam kajian mereka mendapati bahawa sebilangan kecil pertuturan kanak-kanak empat tahun mengandungi ayat-ayat berlapis dan berkait.

Tetapi apabila kanak-kanak itu meningkat umur enam tahun mereka boleh menggunakan setiap bentuk ayat dan apabila murid-murid ini mengikut pendidikan sekolah dasar (rendah) bahasa lisan dan penulisan mereka mempunyai ciri-ciri seperti yang berikut:

- a) Ayat bertambah panjang
- b) Ayat dasar menjadi kurang sebaliknya bertambah ayat berlapis dan berkait.
- c) Pengurangan penggunaan ayat-ayat yang salah dari segi tatabahasa selepas gred 4.
- d) Berkurangan ulangan penggunaan kata-kata tertentu.
- e) Pengurangan jumlah ayat yang bermula dengan "I" (saya)

Harrel (1957) telah melakukan kajian mengenai penggunaan bahasa lisan dan tulisan murid-murid 9 tahun sehingga 15 tahun dengan menggunakan tayangan gambar. Beliau mendapati bahawa panjang ayat dan penggunaannya akan bertambah mengikut perkembangan umur. Klausa adverba dan klausa sifat lebih banyak digunakan oleh murid dalam tulisan berbanding dengan lisan. Klausa nama lebih banyak digunakan dalam bahasa lisan daripada penulisan.

Sungguhpun pengkaji-pengkaji yang pernah membuat kajian berhubung dengan perkembangan bahasa kanak-kanak mendapati bahawa peningkatan kompleksiti ayat di kalangan kanak-kanak merupakan fenomena mental (Mellon, 1969; Hunt, 1965; O'hara 1973) tetapi guru-guru perlu juga menanam kemahiran menulis ayat-ayat yang matang dan kompleks dari segi strukturnya menerusi latihan-latihan yang sistematis.

Ini disebabkan dalam bilik darjah yang sebenar, tahap kebolehan murid-murid secara individu adalah berbeza-beza dari segi mental, bakat, minat, peluang, segi mental bakat, minat peluang dan kemudahan (Pehrson & Robinson 1985)

Menurut Watkins et.al (1965), pula unsur-unsur gaya yang dapat menggambarkan stail penulisan seseorang ialah pemilihan kata dan ekspresi, susunan perkataan dalam ayat dan keragaman pola ayat.

Perkara ini disokong oleh Straw (1981) yang menyatakan bahawa kebanyakan para guru bahasa Inggeris yang disoal selidik di Amerika Syarikat telah mengenal pasti tiga faktor utama yang dianggap penting dan boleh mempengaruhi kualiti sesuatu karangan. Tiga faktor utama itu adalah ciri-ciri perbendaharaan kata, sintaksis dan penyusunan gaya dan secara kebetulan pula, ketiga-tiga faktor ini kerap pula diukur dan dinilai oleh para penyelidik Barat apabila mengkaji pencapaian pelajar dalam menulis karangan.

Braddock, Loyed-Jones & Schoer (1963) melaporkan tentang penyelidikan mengenai penulisan karangan oleh Seegers (1933) yang menunjukkan jenis (genre) wacana yang digunakan iaitu perbincangan (argumentation), pendedahan (exposition) dan perihalan (description) memberi kesan terhadap struktur ayat dalam karangan.

Wiseman (1949), Wringley dan Kincaid (1953) dalam kajian mereka mendapati bahawa tajuk memberi kesan terhadap kalibar penulis. Kincaid telah menggunakan

320 buah karangan pelajar-pelajar Michigan State College sebagai subjek. Dapatan beliau menunjukkan bahawa pelajar yang baik dalam karangan akan bertambah baik penulisan dari hari ke hari daripada tajuk-tajuk yang mendorong ke arah cara penyampaian yang pelbagai.

Chomsky (1969) telah melakukan kajian berhubung dengan perkembangan bahasa kanak-kanak antara 5 - 10 tahun. Beliau menjelaskan bahawa kebanyakan kanak-kanak cekap menggunakan struktur ayat yang biasa digunakan oleh orang-orang dewasa apabila berumur 10 tahun.

Cooper (1977) menjalankan kajian mengenai latihan menggabung ayat dalam pengajaran bahasa kedua (Jerman, Perancis dan Sepanyol) oleh pelajar-pelajar Universiti Georgia. Beliau mendapati bahawa bahasa kumpulan pelajar yang mendapat latihan menggabungkan ayat menulis lebih banyak klausa subordinat bagi setiap Unit T dan kumpulan tersebut dapat menggunakan lebih banyak klausa relatif dalam penulisan karangan selama 40 minit.

Dapatan juga menunjukkan bahawa kumpulan pelajar yang mendapat latihan menggabungkan ayat menulis ayat-ayat kompleks dan mencapai jumlah purata min panjang Unit T yang lebih tinggi daripada kumpulan pelajar yang tidak diberi latihan menggabungkan ayat.

Straw (1981) berpendapat program menggabungkan ayat berjaya meningkatkan tahap kemahiran bahasa pelajar dari segi binaan ayat-ayat matang di samping organisasi, gaya, nada sudut pandangan, penyataan fikiran dan tema.

Braddock (1963) dan rakan-rakan telah melaporkan bahawa McClellan (1956) dalam kajian terhadap 1065 pelajar darjah 3 dan 6 (peringkat taraf ekonomi tinggi, sederhana, dan rendah) mendapati bahawa semakin tinggi taraf sosio ekonomi pelajar semakin baik penggunaan bahasanya. Kajian ini disokong oleh kajian Templin (1957) Milner (1951), Martin Dentsch (1967) dan Bernstein (1969).

### 2.3 Kajian Dalam Negeri

Terdapat kajian-kajian yang dilakukan di Malaysia berhubung dengan perkembangan sintaksis kanak-kanak sebelum bersekolah dan selepas bersekolah rendah. Abdul Halim Yusof (1974) telah melakukan kajian mengenai struktur pola ayat bahasa Melayu sekolah rendah dan Othaman Zakariah (1978) telah menjalankan kajian terhadap murid-murid darjah 6. Dapatan beliau menjelaskan bahawa murid-murid darjah 6 dapat menggunakan pola-pola ayat seperti di bawah:

Ayat dasar (0.04%)

Ayat Selapis (74.06%)

Ayat Berlapis (8.44%)

Ayat Majmuk (17.46%)

Ayat dasar (Asmah : 1973) ialah ayat yang subjek dan predikit) dan objek jika ada terdiri daripada frasa minima.

Ayat selapis (Za'ba : 1947) ialah ayat yang mempunyai satu subjek dan satu predikit dengan penerangan dan keterangan ayat. Ayat berlapis (Asmah : 1973) sama strukturnya dengan ayat berkait (Za'ba : 1947) iaitu ayat yang terdiri daripada gabungan di antara klausa utama dan klausa subordinat. Ayat majmuk (Asmah : 1973) sama dengan ayat selapis Othman Zakaria (1978) walaupun hanya mengkaji penggunaan pola-pola ayat oleh 50 orang murid Melayu darjah 6 sekolah rendah di Kuala Lumpur tetapi daripada lampiran ayat yang berlapis (Asmah : 73) yang dihasilkan oleh murid menunjukkan bahawa murid-murid menggunakan kata-kata tugas, penanda klausa subordinat untuk mengikuti klausa adverba waktu, musabab dan syarat dengan klausa utama.

Kesempurnaan sesebuah karangan dapat dikesan dari segi isi pengolahan dan penyusunan di dalam menyampaikan isi tersebut dan keberkesanan dari segi pemilihan kata yang tepat, ayat-ayat yang gramatis serta gaya bahasa yang menarik. Di peringkat sekolah, guru bahasa jarang membimbing pelajar menganalisis sesuatu teks berdasarkan pola seluruhnya. Dapatan kajian Abdul Hamid (1983) mendapati bahawa mutu penggunaan bahasa agak rendah dari segi ejaan, peristilahan dan susunan ayat. Persepsi bentuk susunan dalam ayat dianggap sebagai asas kepada penulisan. Sekiranya seorang pelajar gagal mengenal pasti pola-pola yang sesuai

dalam penulisan dan ia sentiasa menggunakan pendekatan penulisan yang sama akibatnya hasil penulisan hambar dan kurang bermutu.

Md. Esa Sudir et al (1989) dan Awang Mohamad Amin (1981, 1982) dalam kajian mereka mendapati bahawa banyak calon masih lemah dalam penguasaan dan penggunaan tatabahasa baku. Mereka tidak dapat menggunakan bahasa dengan lancar dan sering melakukan kesalahan dan kesilapan bahasa yang tidak dapat dimaafkan. Gaya bahasa amat membosankan kerana kebanyakan calon tidak pandai menganekekan susuk-susuk ayat yang digunakan dalam karangan. Terdapat beberapa banyak penggunaan ayat-ayat yang tergantung dari segi tatabahasa dan makna yang hendak disampaikan.